

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' AR.WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[Kuala Kangsar]**

TARIKH : 12.11.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 48

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan di kementerian untuk mempertingkatkan secara terus dan memudahkan cara promosi, galakan, insentif keusahawanan di kalangan orang muda di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Semenjak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menganjurkan Program *Rural Business Challenge* (RBC) pada tahun 2012, pihak Kementerian sentiasa mempertingkatkan usaha bagi membangunkan keusahawanan belia di luar bandar.

Terbaru, Program Realiti Televisyen RBC diterbitkan dan disiarkan sebanyak 9 episod bermula September hingga November 2014 di TV3 bagi mempromosikan program RBC kepada rakyat Malaysia. Laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram serta portal Kementerian juga digunakan bagi menyampaikan maklumat terkini mengenai program ini.

Selain itu, sehingga kini seramai 3855 usahawan belia luar bandar telah menerima manfaat daripada kursus-kursus keusahawanan yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah KKLW dan Kerajaan Negeri. Kementerian juga melaksanakan usahasama dengan pelbagai agensi

Kerajaan yang lain bagi menjayakan projek pemenang RBC dan program pembudayaan keusahawanan melalui RBC.

Kementerian juga sentiasa mempromosikan Program RBC melalui ekspo, karnival dan program keusahawanan anjuran Kementerian dan pelbagai Agensi Kerajaan yang lain.

Usaha-usaha tersebut dilihat telah menarik minat belia-belia Malaysia menyertai bidang keusahawanan luar bandar dan ini terbukti apabila terdapat peningkatan penyertaan dalam Pertandingan RBC sebanyak 212% pada tahun ini berbanding tahun 2013.